

BERITA HARIAN

DATE: 23/4/2010

Mahathir ragu Wawasan 2020 dapat dicapai

BH-23/04/2010

SERI ISKANDAR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, meragui Wawasan 2020 yang diilhamkan ketika zaman pemerintahannya mampu dicapai berikutan perubahan persekitaran ekonomi, teknologi dan sosio ekonomi yang begitu ketara sekarang.

Beliau berkata, wawasan itu dilancarkan pada 1991 tanpa mengetahui cabaran persekitaran pada masa depan dan ketika pertumbuhan ekonomi negara berada pada paras lapan peratus setahun antara 1967 hingga 1997 sebelum berlaku krisis mata wang.

"Untuk mencapai Wawasan 2020, sasaran kita ialah mesti mencapai pertumbuhan ekonomi tujuh peratus setahun kerana dengan kadar itu boleh

menggandakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setiap 10 tahun.

"Tetapi, oleh kerana kita tidak dapat mempertahankan pertumbuhan itu dan kemungkinan unjuran kita tidak mampu mencapai kadar pertumbuhan tinggi, saya ragu-ragu sama ada kita boleh mencapai Wawasan 2020 dari sudut pertumbuhan ekonomi," katanya pada sidang media selepas menyampaikan Syarahan Umum bertajuk 'Beyond Vision 2020' di Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, ICT, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi negeri, Datuk Mohamad Zahir Abdul Khalid; Naib Presiden Bahagian Pendidikan Petronas,

Juniwati Rahmat Hussin dan Rektor UTP, Datuk Dr Zainal Abidin Kasim.

Dr Mahathir juga berkata, sistem kewangan yang digunakan di seluruh dunia ketika ini adalah cacat dan terdedah kepada penyalahgunaan dan akan dimanipulasi lagi pada masa depan jika tidak dikawal.

Katanya, sistem kewangan dunia sekarang masih berpegang kepada konsep pasaran ekonomi bebas dipelopori ketika Amerika Syarikat di bawah Presiden Ronald Reagan dengan mendakwa sesuatu pasaran kewangan itu boleh stabil dengan sendiri tanpa perlu campur tangan kerajaan dan terbukti ia tidak benar apabila berlaku krisis mata wang pada 1997 dan ekonomi baru-baru ini.



MAHATHIR bersalaman dengan sebahagian pelajar selepas menyampaikan Syarahan Umum bertajuk 'Beyond Vision 2020' di Universiti Teknologi Petronas (UTP), Seri Iskandar, semalam.